

# Serangan cacing fenomena normal

SM/09.01.24/m/15 12

**KUALA TERENGGANU** - Kemunculan cacing di permukaan tanah yang dikesan di Kampung Merang dekat sini pada Ahad adalah fenomena normal membabitkan proses tindak balas biologi haiwan berkenaan terhadap alam sekitar yang bermigrasi ke kawasan lain.

Pensyarah Biologi, Diversiti dan Ekologi Invertebrat Bentik dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT) Prof Madya Dr Izwandy Idris berkata, penghijrahan cacing tanah dalam kuantiti yang besar disebabkan proses komunikasi haiwan itu yang bersentuhan dengan cacing lain ketika membuat perjalanan

ke permukaan tanah.

Dengan merujuk kepada kejadian kehadiran banyak cacing di permukaan tanah yang dilaporkan media pada Ahad, beliau percaya kumpulan cacing itu mengambil peluang kelembapan permukaan tanah ketika musim Monsun Timur Laut untuk bermigrasi.

“Sebenarnya, fenomena ini pernah berlaku sebelum ini iaitu pada 17 Januari 2017 di Sekolah Kebangsaan Kuala Ping, Hulu Terengganu. Orang ramai tidak perlu risau, sebab kalau ikutkan kejadian sebelum ini, selepas kejadian, tiada sebarang perkara tidak diingini berlaku,” katanya ketika dihubungi *Bernama*.